

Soalan No:12

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 6.3.2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI  
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) sejauh manakah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjadi penanda aras sektor pendidikan negara menjelang tahun 2050 (TN50); dan
- (b) pencapaian pada masa kini dalam merintis pembelajaran abad ke 21 yang boleh memberi manfaat kepada para pelajar di semua peringkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 merupakan satu pelan komprehensif yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha untuk melonjakkan tahap pendidikan di Malaysia setaraf negara maju. PPPM 2013-2025 merangkumi pelbagai aspek yang termasuklah usaha meningkatkan prasarana pendidikan, peningkatan profesionalisme guru dan juga usaha pemartabatan Bahasa Malaysia yang juga selari dengan aspirasi yang ditetapkan dalam Transformasi Nasional (TN50). Enam Aspirasi Murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir,

kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional merupakan satu persediaan kepada rakyat Malaysia yang bakal memacu pembangunan negara pada tahun 2050.

- (b) Konsep Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) ialah proses pembelajaran yang berpusatkan murid berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis serta kreativiti (4K) dan aplikasi nilai dan etika (1N). Pada tahun 2017, KPM telah menyediakan Kit Penerangan PAK21 dengan memfokuskan kepada cara pelaksanaan di sekolah bagi menerapkan 4K1N. KPM juga telah memberi latihan kepada Jurulatih Utama yang terdiri kepada pegawai JPN dan PPD yang bertanggungjawab memberi latihan kepada SIPartners+ dan SISC+.

Pada tahun 2018, pegawai JPN, PPD, SIPartners+ dan SISC+ memberi taklimat dan bimbingan kepada sekolah di seluruh negara. Peranan JPN, PPD, SIPartners+ dan SISC+ ialah untuk mengupayakan guru melaksanakan pedagogi berasaskan PAK21 secara berkesan dan seterusnya dapat memberi manfaat kepada semua murid di semua peringkat.